



**R**EMAJA merupakan golongan muda yang berada pada masa peralihan iaitu antara usia muda dengan dewasa. Menurut Thornburg, batasan masa remaja boleh dibahagikan melalui tiga kelompok iaitu remaja awal, antara 11 hingga 13 tahun, remaja pertengahan, antara 14 hingga 16 tahun, serta remaja akhir, antara 17 hingga 19 tahun. Kata remaja itu sendiri berasal dari bahasa Latin iaitu *adolescere* yang bermaksud *to grow* ataupun *to grow maturity*.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila pada peringkat usia ini dianggap amat penting kerana mereka dilihat sebagai aset yang memiliki tanggungjawab dan menggalas harapan. Mengikut Hall, beliau menyatakan bahawa pada peringkat ini, remaja akan mengalami perubahan fizikal, intelek dan emosi. Situasi ini terhasil disebabkan oleh perubahan yang berlaku sama ada di luar mahupun di dalam lingkungan kawalan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam persaingan dan perjuangan untuk hidup, ada di antara mereka yang akan mengalami keadaan perasaan yang terumbang-ambing dan mahu mencari identiti diri serta pegangan hidup.

Malahan generasi ini turut dihadapkan dengan persekitaran yang penuh dengan ketidakpastian dan ketidakstabilan. Oleh yang demikian, mereka bukan sahaja berhadapan dengan pelbagai konflik masyarakat, tetapi juga dengan diri sendiri. Hall turut meyakini bahawa



# KEBAL JIWA DAN PEMIKIRAN


hasil daripada tekanan dan berbagai pengalaman, remaja kemudiannya akan menjadi orang yang matang dan berperibadi.

Walau bagaimanapun, di atas pundak remaja ialah terletaknya beban dan kewajipan untuk menyediakan diri beralih menjadi orang dewasa yang berperwatakan kuat. Lalu, apa-apa yang dialami adalah satu penerimaan dan pertentangan dalam mendewasakan mereka.

Hassan Langgulung menyatakan bahawa manusia merupakan produk yang terhasil disebabkan oleh pengaruh sejarah, permasalahan dan keperluan, masa serta persekitaran. Dalam membincangkan tentang kekebalan jiwa dan pemikiran remaja, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka seharusnya diberikan tumpuan.

Sebagai contoh, dalam era globalisasi yang kita lalui hari ini, peranan media dalam menyalurkan maklumat menjadi semakin penting. Perkembangan yang berjalan dengan begitu pantas banyak mengubah landskap kehidupan manusia khususnya pada remaja. Malahan, penggunaan media cetak mahupun media elektronik menjadi sebahagian daripada aktiviti harian mereka yang tidak boleh ditinggalkan langsung.

Televisyen dan internet umpamanya telah menjadi satu medium yang amat berpengaruh dan efektif. Larking menyamakan televisyen sebagai suri teladan moden apabila alat teknologi ini mampu membuatkan remaja menyimpang dari hakikat kehidupan yang sebenar dan menjadi hamba kepada televisyen. Cukup dengan hiburan sahaja, remaja berupaya untuk mengasingkan mereka dari realiti. Bahkan apa-apa yang lebih merisaukan ialah apabila perkara ini



membuatkan remaja menjadi makin pasif dan kurang memberi keutamaan kepada aktiviti membaca.

Di samping itu, remaja sebagai pengguna yang memperoleh maklumat menjadi cepat yakin pada sebarang maklumat walaupun maklumat itu hanyalah isu yang lebih menjurus kepada desas-desus semata-mata. Apalagi apabila mereka menilai maklumat itu sebagai betul dan membenarkan pula hal tersebut. Begitu juga dengan bahan bacaan yang tidak kurangnya memberikan pengaruh yang besar dalam perkembangan dan kehidupan remaja.

Hari ini majalah hiburan ialah yang paling laris dalam pasaran sekiranya hendak dibandingkan dengan majalah ilmiah dan remaja merupakan kumpulan yang paling gemar membacanya. Keadaan ini hakikatnya boleh mendasakan kesan yang tidak baik kerana majalah hiburan memang jarang-jarang memberi penekanan terhadap peranan untuk mendidik dan menyampaikan maklumat yang bermanfaat.

Medium sebegini tidak mampu merangsang dan mempertajam fikiran remaja sebagai pembacanya. Kita sudah tahu bahawa membaca adalah santapan minda. Lantaran itu, bahan santapan yang berkualiti dapat mencetuskan daya berfikir yang lebih baik.

Lanjutan daripada itu juga, remaja sering dikaitkan dengan fahaman materialisme, yakni nilai dan tindakan yang mementingkan kebendaan sama ada wang, pakaian, barang-barang mewah dan berjenama serta sebagainya lagi. Hal ini mengakibatkan mereka menjadi sebahagian dari anggota masyarakat yang terkongkong dan terikat kepada budaya kepenggunaan.

Rangsangan yang ada pada barangan dan perkhidmatan yang dijual tersebut membuatkan remaja jadi terdesak serta tunduk kepada telunjuk dan kuasa pasaran. Bukan itu sahaja, mereka turut akan rasa ketinggalan dan terbelakang sekiranya tidak mendapatkan alat teknologi yang panas-panas. Seperka lagi apabila remaja mempunyai sikap yang tidak bersungguh-sungguh serta tiada keghairahan untuk memajukan diri dan mengembangkan ilmu pengetahuan, mereka tidak mempunyai semangat untuk mengkaji, menikmati dan menghormati ilmu. Semangat ingin mengambil tahu bagaikan tidak ada pada mereka. Yang lebih malang lagi, mereka tidak memiliki kesedaran tentang masalah yang mempunyai hubungannya dengan mereka sendiri. Malah, jalan mudah bagi menyelesaikan masalah ialah dengan cara meruru.

Bertitik tolak dari hal ini, remaja harus berupaya menggunakan akal sebagai asas untuk mereka berfikir memutuskan jalan yang lebih baik harus dipilih. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka merupakan kelompok manusia yang amat mempunyai kemampuan untuk membangun akal fikiran yang tinggi. Apa-apa sahaja yang mereka lihat, dengar dan baca akan di hadam untuk membentuk satu persepsi tentang cara mereka harus bertindak.

Bloom telah mengemukakan satu ranah kognitif yang menekankan tentang aspek intelektual dan pemikiran. Dalam ranah tersebut, ada enam tahap iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan evaluasi. Bloom menegaskan agar manusia-berfikir secara menyeluruh, mendalam dan kritikal.



**Gambar 1:**

Remaja diharapkan tidak mudah terpengaruh dengan unsur persekitaran yang bergerak semakin maju. Remaja kini perlu pandal memilih laluan yang ingin digunakan supaya menjadi rakyat yang berguna.

**Gambar 2:**

Remaja perlu menjadi insan yang tidak lut dengan pengaruh tidak baik dan tidak hanya menerima sesuatu dengan tergesa-gesa tanpa memikirkan baik buruknya.

Sehubungan dengan itu, remaja patut mengutar keputusan bukan lagi dengan dogma tetapi berbandukan dengan sifat yang lebih kritis. Dalam menghadapi sebarang percubaan, remaja juga tidak harus menjadi semurah dan semudah itu. Mereka tidak sepatutnya cepat melatah mahupun mengeluh apabila mengalami sesuatu tetapi mesti memikirkan cara untuk terus ke hadapan.

Kekurangan turut tidak wajar dijadikan alasan untuk membenarkan tindakan mereka yang tidak produktif dan tidak bermanfaat. Sama ada mentaliti remaja itu mentaliti seorang pemenang ataupun seorang yang kecundang itu yang akan menentukan berapa jauh yang mereka mampu pergi. Turut diambil kira ialah karakter serta komitmen dalam memberikan sepenuh tenaga dan tanggungjawab ketika melaksanakan sesuatu hal.

Menurut Syed Hussein Alatas dalam bukunya, *Intelektual Masyarakat Membangun* mengatakan, permasalahan tentang ketidakadilan intelektual mesti diberi penekanan kerana isu negara yang tidak pernah ditangani dengan baik seharusnya diselesaikan dengan cara keadilan intelektual, bukannya dengan bebalisme.

Bebalisme yang dimaksudkan ialah sifat lesu dalam berfikir. Yang tenat sekali ialah apabila manusia tidak berfikir langsung dan lekas percaya pada sesuatu perkara tanpa menimbang baik buruknya terlebih dahulu. Hamka berkata bahawa akal disertai oleh fikiran, kemahiran dan juga perasaan. Perkara ini ialah adalah kebolehan menangkap sesuatu yang majud dan dimasukkan ke dalam akal fikiran.

Fikiran itu pula wujud kerana ada kemahuan untuk menyelidik serta ada perasaan yang terbit ketika melihatnya.

Maka dengan itu, remaja harus beralih dari bertyanya soalan "apa" kepada "kenapa" dan "bagaimana" apabila disampaikan sesuatu maklumat atau hujah. Mereka harus bijak memeriksa fakta dan cuba untuk berspekulasi agar dapat menjana idea dan analisa yang lebih kreatif. Menurusinya juga remaja tidak akan menerima sesuatu dengan tergesa-gesa dan dapat menilainya dari sudut pandang yang berlainan.

Begitu juga dengan perilaku remaja yang mengalami krisis. Semua pengaruh langsung diserap sahaja tanpa memikirkan tindakan yang lebih baik dan harus diambil. Mereka tidak seharusnya jadi lemah, terlalu beremosi dan senang terpengaruh ketika dihadapkan dengan sebarang bentuk perkara yang tidak mendatangkan kebaikan.

Negara kita perlu berubah dan harus ada golongan remaja yang bertindak sebagai pengkritik sosial yang dapat mengubah keadaan itu. Remaja yang dicita-citakan ialah mereka yang tidak mudah terpengaruh, serta matang dalam berfikir dan bertindak.

Mereka turut tidak mengalami kecleraan identiti serta berupaya untuk menguasai dan mengembangkan ilmu seluas mungkin. Bahkan, berani untuk mengemukakan fikiran, idea dan kritik menggunakan kemampuan akal mereka. Hal ini tidak bererti bahawa remaja yang tidak mempunyai sebarang kelayakan akademik tidak boleh berada dalam kelompok ini.

Sebaliknya, jika mereka dapat memanfaatkan kemampuan berfikir dan memiliki pengetahuan yang memadai tentang perkara yang menjadi pokok permasalahan, remaja ini adalah lebih baik dari mereka yang memperoleh sarjana namun gagal untuk mendasarkan penilaian dengan kritis dan analitis, serta tidak pula mampu untuk menghasilkan penyelesaian terhadap masalah sekecilling.

Oleh itu, remaja harus memiliki jiwa dan pemikiran yang kebal untuk bergerak dari satu titik ke titik yang lain agar mereka mampu melihat hal dalam perspektif yang luas serta tidak dalam kedangkalan. Kita tidak mahu menjadi remaja yang pasif secara mental dan menerima apa-apa sahaja yang disogokkan dengan tidak menanyakan kembali secara kritis.

Plato pernah berkata bahawa kebenaran akan terhasil jika kita memperolek fikiran dengan fikiran. Demikianlah bahawa kualiti manusia terutamanya jiwa, peribadi dan tindakan banyak ditentukan dengan bagaimana cara mereka berfikir. Maka dalam menghadapi kehidupan remaja, tiada alternatif lain selain melengkap diri dengan pelbagai disiplin ilmu dan mendidik diri untuk tidak lut kepada apa-apa penyimpangan. ☺

# PENGARUH LUAR KEBALKAH REMAJA?



**P**EMUDA harapan bangsa, pemuda tiang negara merupakan kata-kata yang sering dilafazkan dalam menerangkan kepentingan remaja dalam pembangunan negara. Remaja merupakan aset terpenting dan pelapis pemimpin negara. Imam al-Ghazali ada menyebut "Jika ingin melihat negara pada masa hadapan, lihatlah remaja pada hari ini." Pembangunan remaja selaku modal insan negara menjadi petunjuk penting kepada arah dan rupa sebenar negara kita pada masa hadapan, malah pembangunan modal insan menjadi agenda utama negara maju dalam merangka pelan pembangunan negara dari aspek ekonomi politik, ekonomi mahupun sosial. Memetik kata-kata Presiden Soekarno, "Berikan daku 10 orang belia, nescaya akan aku gegarkan dunia". Ternyata "kuasa remaja" memberikan kesan yang signifikan kepada usaha merencanakan hala tuju negara pada masa akan datang.

Namun demikian, ternyata remaja hari ini belum lagi bersedia memainkan peranan besar ini, berani menghadapi apa-apa juga cabaran dan dugaan serta membuat anjakan



**Gambar 1:**

Remaja hari ini perlu berani menghadapi apa-apa sahaja cabaran yang mendatang kerana insan kecil inilah yang akan menjadi manusia besar yang memegang negara.

**Gambar 2:**


Remaja efisien yang bakal meneraju dunia ialah mereka yang menerima perubahan dengan terbuka, mendalami ilmunya dan menggunakan perubahan itu untuk ke arah kebaikan bersama.

paradigma bagi membentuk jati diri modal insan yang akan memimpin negara. Yang membimbangkan apabila fenomena budaya hedonisme dan belunggu budaya sosial mewarnai dunia remaja di negara kita. Jati diri yang rapuh dalam kalangan remaja menyebabkan pengaruh luar dengan mudah menembusi, lalu mempengaruhi pemikiran dan cara hidup remaja. Umpama api, faktor persekitaran yang asalnya menjadi kawan mampu menjadi lawan seandainya tidak ditangani dengan baik.

#### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Pepatah Arab pernah berkata, sekiranya kita bersahabat dengan penjual minyak wangi nescaya kita juga menjadi wangi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sahabat yang baik mampu menjadi contoh teladan dan sering mengajak kita ke arah kebaikan. Kita akan mudah terpengaruh ke arah kebaikan sekiranya bersahabat dengan mereka yang rajin belajar, menunaikan solat lima waktu, mempunyai akhlak yang terpuji, bermotivasi serta jelas matlamat hidupnya. Secara tidak langsung, masyarakat akan memandangi tinggi dan mengklasifikasikan diri kita dalam kalangan golongan remaja yang baik.

Namun demikian, rakan sebaya mampu memberikan kemudahan seandainya mereka tergolong dalam kumpulan remaja bermasalah. Tekanan rakan sebaya merupakan suatu perkara biasa dalam kalangan remaja, malah kajian menunjukkan bahawa remaja lebih cenderung mempercayai rakan sebaya berbanding dengan ibu bapa mereka sendiri.



Kajian membuktikan kebanyakan kes yang memabitkan remaja terjerumus dalam kegiatan tidak bermoral berpunca daripada tekanan rakan sebaya. Keinginan untuk turut serta dan bimbang dipinggirkan menyebabkan para remaja bertindak di luar batasan, menikmati cara hidup yang salah dan tidak sihat serta terlibat dengan gejala sosial. Natiujahnya pengaruh ini mampu mengubah cara bercakap, cara berfikir mahupun tingkah laku. Umpama nila setitik rosak susu sebelanga. Bukanlah sesuatu yang mengejutkan sekiranya ada remaja yang ditangkap atau dituduh melakukan jenayah juvana hanya kerana terpengaruh dengan rakan sebaya.



### Pengaruh televisyen

Televisyen merupakan media yang wajib dimiliki oleh semua golongan masyarakat. Perkembangan semasa hari ini membolehkan masyarakat memiliki pelbagai siaran berbayar yang menyangkan seribu satu kisah bermula daripada siaran pendidikan, saluran keagamaan sehinggalah kisah gosip dan hiburan yang disiarkan selama 24 jam tanpa henti. Hiburan mampu memberikan ketenangan, menghilangkan kekecewaan dan meredakan minda. Namun begitu, hiburan juga mampu memberikan kesan negatif kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku terutamanya kepada golongan remaja. Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat menjalankan kajian tentang hubungan antara pengaruh televisyen dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa, pelajar yang menonton lebih daripada 10 jam seminggu menghadapi masalah dalam pembelajaran serta mempunyai pencapaian prestasi akademik yang kurang memberangsangkan.


Televisyen mendedahkan remaja kepada unsur keganasan yang mampu mendatangkan kemudatan besar kepada emosi, pemikiran dan tingkah laku. Rancangan yang ditayangkan tidak lekang dengan imej seksi yang mampu merangsang remaja untuk mencuba apa-apa yang ditayangkan di televisyen. Contoh yang dipaparkan kebanyakannya merupakan contoh yang tidak baik, lebih malang lagi sebenarnya apa-apa yang dipaparkan memberikan idea baharu kepada remaja untuk mencuba. Pada peringkat usia remaja yang masih setahun jagung dan meraba-raba mencari identiti diri, fenomena ini sangat berbahaya kerana banyak remaja tidak mampu membuat pertimbangan yang rasional tanpa bimbingan orang yang lebih dewasa.

### Pengaruh iklan

Remaja dan jenama umpama irama dan lagu, malah remaja sering kali menjadi sasaran pengeluar untuk melariskan jualan mereka. Iklan memainkan peranan penting dalam memperkenalkan pelbagai jenama baharu di pasaran. Budaya mengagung-agungkan jenama amat sinonim dengan remaja. Penggunaan jenama hebat dianggap mampu menaikkan imej dan harga diri remaja. Mitos ini perlu dihapuskan kerana kegilaan remaja kepada jenama sebenarnya menyebabkan remaja menjadi orang yang sanggup berbelanja besar, mengalakkan budaya pembaziran, tidak suka menabung dan boros ketika berbelanja. Impaknya, negara kita bakal diterajui oleh barisan pemimpin dan generasi pengguna yang tidak bijak. Dalam jangka panjang, berlakulah inflasi dan sistem ekonomi negara akan dikuasai oleh golongan pengeluar.

### Pengaruh Internet

Perkembangan facebook, twitter dan blog di alam maya memberikan ruang kepada remaja untuk meneroka pelbagai maklumat tanpa sempadan. Kemudahan ini sememangnya memberikan pelbagai faedah tetapi juga mampu memberikan kemudatan kepada golongan remaja. Perhubungan di alam maya mendedahkan remaja dengan pelbagai teknik jenayah, malah kegilan memuat naik gambar dan maklumat peribadi memberikan ruang kepada penjenayah alam siber mengeksploitasi maklumat tersebut untuk tujuan dunia pornografi, penculikan dan pemerdagangan manusia. Kemahiran memilih maklumat juga perlu dikuasai remaja kerana tidak semua fakta yang dipaparkan dalam blog adalah benar terutamanya sekali fakta berbentuk keagamaan. Hal ini perlu diberi perhatian serius kerana mampu mengakibatkan penyelewengan akidah. Tambahan pula, paparan laman web tidak bermoral tanpa sekatan mampu memberikan kesan negatif kepada perkembangan minda, menggalak ketagihan kepada jenayah berunsur seks, merosakkan akhlak dan marah, mengurangkan perhubungan interpersonal dan

**Gambar 3:**

Pengaruh persekitaran membentuk jati diri remaja. Menyerap aura baik menjadikan remaja itu berjiwa cemerlang dan mempunyai sahsiah diri yang tinggi.

**Gambar 4:**

Remaja yang mempunyai jati diri unggul tidak akan menerima bulat-bulat pengaruh di persekitaran mereka, sebaliknya hanya akan memilih pengaruh yang membawa kebaikan sahaja.

seterusnya akan melahirkan golongan remaja yang lemah pemikiran dan bersifat pasif kepada persekitaran.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, *"Jangan kamu hampiri perbuatan zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji".* Tambahan pula, kemudahan melayari internet menerusi telefon pintar turut menjadi penyumbang kepada faktor utama peningkatan jenayah seksual seperti kes rogol, sumbang mahram, seks bebas dan pembuangan bayi serta penyakit sosial, homoseksual dan lesbian serta pelacuran. Menurut kajian oleh penyelidik Universiti Malaya, pada tahun 2005 didapati banyak remaja sudah melakukan hubungan seks dalam menjalin perhubungan dan merakamkannya untuk simpanan peribadi atau disebarkan menerusi "youtube". Jika beginilah akhlak remaja, negara kita akan menghadapi kemusnahan pada masa hadapan.

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Sebagai bakal peneraju negara, masa muda remaja seharusnya diisi dengan usaha mencari ilmu dan kemahiran sebagai bekal untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Malangnya, kesibukan remaja mencari keseronokan sementara sudah pasti akan melahirkan golongan remaja yang keciciran dalam bidang akademik, rendah pencapaian atau sekadar mendapat keputusan "cukup makan". Senario ini amat membimbangkan kerana remaja perlu mempunyai ilmu dan kemahiran untuk menempuh cabaran yang mendatang. Kehidupan yang asal sabut timbul, asal besi tenggelam tidak boleh diguna pakai sekiranya kita ingin menjadi remaja cemerlang. Biarpun berkemungkinan ada sebilangan kecil remaja yang insaf dan ingin memulakan hidup baharu, namun betapa membazirnya masa muda mereka yang telah berlalu. Benarlah kata pepatah, masa itu kehidupan.

Cara hidup yang negatif juga akan memberikan kesan kepada tahap kesihatan dan kecerdasan. Penglibatan dalam gejala sosial akan memberikan natijah kepada jangkitan penyakit kelamin, HIV dan AIDS atau ketagihan. Bukan itu sahaja, jenayah masa

lalu akan memberikan kesan kepada kehidupan akan datang. Lantaran itu, igauan kisah silam sering kali menghantu dalam usaha membina hidup baharu. Kesihatan yang baik bermakna sihat fizikal mahupun mental. Kecelaruhan jiwa yang dialami bakal menyebabkan keputusan yang diambil tidak rasional. Generasi muda yang berpenyakit fizikal mahupun sosial pastinya tidak mampu menyumbangkan tenaga ke arah pembangunan negara.

Di samping itu, pembentukan karakter dan jati diri sangat dipengaruhi oleh pengaruh persekitaran. Seperti kata orang tua-tua, jika putih kulitnya maka putihlah hatinya. Bersahabat dengan mereka yang rendah akhlak, terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan mengamalkan hidup yang negatif tidak memungkinkan seorang remaja itu bakal menjadi remaja cemerlang bersihsiah terpuji. Tambahan pula jiwa yang sentiasa dibelenggu dengan perkara negatif akan menjadi penyumbang kepada perlakuan negatif yang seterusnya umpama tiada kesudahan. Hal ini bakal membantutkan usaha negara bagi melahirkan remaja yang mempunyai jati diri yang unggul dan mencapai prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan. Apalah gunanya berbuah tampan tetapi rendah akhlaknya dan dianggap sampah masyarakat.

Asas sebuah negara ialah pembinaan keluarga yang bahagia. Rumah umpama syurga yang dibina dengan landasan rasa penuh kasih sayang, saling memerlukan dan mempunyai perasaan memahami dan menghormati. Namun begitu, mampukah sesebuah keluarga yang tidak berupaya menjalani kehidupan yang harmoni seperti yang diharapkan seandainya anak muda kesayangan keluarga mempunyai tingkah laku yang negatif dan terjerumus dalam kancap gejala sosial. Pastinya pertengkar dan percanggahan pendapat sering kali berlaku dalam usaha ibu bapa mendisiplinkan anak. Anak yang rasional dapat menerima teguran, namun bagaimanakah sekiranya emosi mengatasi pemikiran? Maka tidak hairanlah saban hari jika kita dihidangkan dengan pelbagai kisah sedih pembunahan dalam kalangan keluarga, kecederaan si ibu mahupun bapa akibat tidak memenuhi impian si anak, penipuan untuk mendapatkan wang dan kekayaan, malah ada yang sanggup menculik ahli keluarga sendiri sebagai jalan singkat menjana pendapatan

Keluarga merupakan asas kepada pembinaan masyarakat. Keluarga yang bahagia akan membina masyarakat yang aman dan harmoni dalam menjalani kehidupan seharian. Saling memahami dan menerima menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang cemerlang. Masyarakat cemerlang tidak mampu dibina daripada golongan remaja yang rendah akhlaknya, menjalani kehidupan yang tidak sihat, bergelut dengan noda dan dosa serta mempunyai fikiran dan jiwa yang negatif. Seandainya negara kita dibina daripada golongan masyarakat sebegini nescaya kedaulatan negara yang kita bina sekian lama akan musnah sekelip mata.

Usahlah mengikut darah muda kerana ikut hati mati, ikut rasa binasa. Marilah kita sama-sama memperkasakan diri agar negara yang kita sayangi ini dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain. Pendek kata, masa depan negara di tangan anda. Tepuk dada tanyakan selera. 